TARBIYAH PENGASAS SIRI 28

26 JANUARI 2021

# LIMA ALAM YANG MENANTI

**Prof Dr Muhammad Syukri Salleh**

*Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)*

*Universiti Sains Malaysia*

# MASA MUDA

- Semangat berjuang membuak-buak.
- Agresif, tegas, determined.
- Berfikir, mencari jalan, dan berikhtiar menggemilangkan ISDEV.
- Terlalu sibuk dengan tugas, jarang-jarang sempat menilik diri sendiri.



# MASA TUA



- ❑ Sekarang sudah berusia dan sudah pencen (+PKP), banyak masa berfikir tentang diri.
- ❑ Lebih lembut
- ❑ Tidak suka melihat pergaduhan, kezaliman, penderitaan



- ❑ Hatta tidak mampu melihat kanak-kanak sakit menangis pun, apatah lagi cucu sendiri.
- ❑ Mahu jiwa yang tenang, bersih, tanpa dosa
- ❑ Dapat ketenangan bila bersama atau mendengar orang-orang yang tinggi Rasa Bertuhan bercakap: Ustaz Mastura, Ustaz Ebit Lew, Syakh Ali Jaber.

# ANTARA YANG DIFIKIRKAN

## 3 Tomorrows – Ziauddin Sardar



# 5 ALAM YANG MENANTI

## 3 ALAM TELAH DILALUI

1. Alam Roh
2. Alam Rahim
3. Alam Dunia

1, 2, 3, 4 = Alam Transisi
5 = Alam Kekal




Extended Future ✓

Familiar Future ✓

Unthought Future ✗

# 1. Sakaratul Maut

## 1 DAHSYATNYA SKARATUL MAUT

- Sabda Rasulullah SAW : “Sakaratul maut itu sakitnya sama dengan tusukan tiga ratus pedang” (HR Tirmidzi)

  Sabda Rasulullah SAW : “Kematian yang paling ringan ibarat sebatang pohon penuh duri yang menancap di selembar kain sutera. Apakah batang pohon duri itu dapat diambil tanpa membawa serta bagian kain sutera yang tersobek ?” (HR Bukhari)

## 2 SAKARATUL MAUT YANG PALING RINGAN

Bayangkan... kawat duri ini dimasukkan
Melalui mulutmu hingga bergulung-gulung
Di dasar perut,lalu ditarik sekuat tenaga
Hingga apa saja yang tersangkut akan keluar

(HR. AHMAD 4/2876,295,296) dan Abu Dawud kitab Sunnah 4753)



## 3

**Maut**
**“Demi Allah, seandainya jenazah yang sedang kamu tangisi boleh berbicara, lalu menceritakan (pengalaman sakaratul mautnya) pada kamu sekalian, nescaya kamu akan melupakan jenazah tersebut dan mulai menangisi dirimu sendiri.” -Imam Al-Ghazali**

## 4

## DOA MENJELANG SAKARATUL MAUT

- جَعَلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عِنْدَ مَوْتِهِ يُدْخِلُ يَدَيْهِ فِي الْمَاءِ فَيَمْسَحُ بِهِمَا وَجْهَهُ وَيَقُولُ: لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ إِنَّ لِلْمَوْتِ لَسَكَرَاتٍ
- *Pada saat sakaratul maut Nabi saw memasukkan kedua tangannya ke dalam air, lalu beliau mengusapkannya ke wajah seraya berdo'a: **laa ilaaha illallaah, inna lil mauti la sakaraat** "Tidak ada Tuhan selain Allah. Sesungguhnya kematian itu di dauhului dengan penderitaan hebat (sakarat).* (HR. Bukhari)

**Mohon husnul-khatimah, elak su-ul khatimah**

# 2. Barzakh

**Dua Jenis Roh Di Alam Barzakh (Ibn Qayyim, *Roh*)**

1. Roh **mun'amah** (roh yang mendapat nikmat dapat menjawab soalan-soalan Munkar Nakir kerana kebaikan dan amal jariahnya di dunia)

2. Roh **mu'azzabah** (roh yang disiksa kubur kerana kejahatan-kejahatannya di dunia.



Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud: "Kubur adalah tempat turun **pertama dalam menuju ke alam akhirat**. Siapa **selamat** di situ, maka alam-alam selepas itu lagi senang buatnya. Siapa dalam kubur **tidak selamat**, maka alam-alam lain akan lebih teruk."

# 3. Padang Mahsyar

- Sangat panas
- Tenggelam dalam peluh berdasarkan kadar dosa
- Dikumpulkan dalam **tiga kelompok** (Riwayat Ahmad, al-Nasa'i dan al-Hakim)
  1. **Golongan Beriman & Bertaqwa** - Menunggang kenderaan, berpakaian serta diberi makanan
  2. **Gologan kufur** - Diseret serta disungkurkan muka ke bumi, dimasukkan ke dalam neraka secara kasar dan keras
  3. **Golongan Berdosa & Bermaksiat** - Berjalan kaki dan berlari-lari, tanpa kenderaan kerana kenderaan [unta] sakit



# 4. Siratul-mustaqim

- Jambatan/titian di atas permukaan neraka Jahannam
- Sangat licin, memiliki kait, cakar dan duri
- Lebih kecil dan lembut daripada rambut, lebih tajam daripada pedang, lebih gelap daripada malam pekat (Abu Said)
- 7 pos. Setiap pos ada 7 cabang, berbentuk seperti panah. Di sini ditanya tentang perintah-perintah Allah. Jarak setiap pos 3000 tahun perjalanan [1000 tahun tanjakan tinggi, 100 tahun dataran, 1000 tahun lereng dan curam].
- Kecepatan melintasinya sesuai berdasarkan kadar keimanan masing-masing

Jambatan yang menghubungkan Padang Mahsyar dengan Syurga, menurut keterangan sahabat Abu Said, "Jambatan ini lebih kecil dari rambut dan lebih tajam dari pedang.

Nabi Muhammad SAW pernah bersabda: "Sesungguhnya Allah telah menciptakan *Sirat* yang berada di atas neraka, iaitu jambatan yang terletak ditengah neraka jahannam yang sangat licin dan dapat menggelincirkan. Jambatan ini mempunyai 7 gardu (pos), yang setiap gardu jaraknya sama dengan perjalanan 3000 tahun, seribu tahun berupa tanjakan yang tinggi, seribu tahun berupa dataran, dan seribu tahun berupa lereng yang curam. Ia lebih kecil dan lembut dari pada rambut, lebih tajam dari pada pedang, dan lebih gelap dibandingkan malam yang pekat. Setiap gardu mempunyai 7 cabang, setiap cabang bentuknya bagai panah yang hujungnya tajam. Duduklah setiap hamba diatas setiap gardu tersebut dan ditanyakan kepadanya tentang perintah-perintah Allah.

# 5. Alam Akhirat - Syurga atau Neraka

**Keindahan Syurga**

- **Suasana Syurga**
  - **Sungai** jernih, susu, arak, madu – tak berubah rasa dan bau, tidak memabukkan (Muhammad 47:15).
  - **Dilayani** pelayan-pelayan muda, ahli syurga juga muda dan tidak tua, sihat, tidak sakit (Al-Insan 76:19-21, Al-Waqi'ah 56:25-26).
  - **Tidak ada** permusuhan, perkataan dusta, berbual kosong, dosa, hasad dengki, rukun damai, tidak penat, lelah atau letih (Al-Hijr 15:45-48, AL-Waqi'ah 56:25-26)
- **Perhiasan** - Emas, mutiara, pakaian sutera halus, nipis dan tebal (Fathir 35:33, Al-Dukhan 44:53, Al-Insan 76:15)
- **Makanan** - Mengikut apa jua yang diinginkan (Az-Zukhruf 43:71)

# 5. Alam Akhirat - Syurga atau Neraka

**Kedahsyatan Neraka**

Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya **seringan-ringan siksa ahli neraka** iaitu seorang yang berkasutkan dari api neraka, dan dapat mendidihkan otaknya, seolah-olah ditelinganya ada api, dan giginya berapi dan dibibirnya ada wap api, dan keluar ususnya dari bawah kakinya, bahkan ia merasa bahawa dialah yang terberat siksanya dari semua ahli neraka, padahal ia sangat ringan siksanya dari semua ahli neraka."



- **Apakah nasib kita?**
- **Bersyukur** kerana Allah masih bagi peluang berfikir dan bersiap sedia menghadapi alam-alam yang sedang menanti ini.
- **Alangkah beruntungnya** jika sdr/i yang masih muda sudah dapat berfikir dan bersedia daripada sekarang. Masanya tentulah sangat banyak sekali.

# RUMUSAN

Daripada Abu Ya'la Syaddad bin Aus RA, daripada Nabi SAW, Baginda SAW bersabda yang bermaksud: "Orang yang **cerdik (yang berakal)** adalah orang yang mempersiapkan dirinya dan beramal untuk hari setelah kematian, sedangkan orang yang **lemah (imannya)** adalah orang yang jiwanya mengikuti hawa nafsunya dan berangan-angan kepada Allah SWT (bahawa Allah akan mengampuninya)." (Hadis riwayat at-Tirmizi)

**Jadikan ISDEV sebagai salah satu tempat untuk menjadi orang cerdik/berakal untuk keselamatan selepas kematian.**

# Terima Kasih